

07/02/1997

Program kerahan tenaga dirangka

KUALA LUMPUR, Khamis - Kementerian Belia dan Sukan akan mengemukakan kertas cadangan Khidmat Sosial Negara yang sedang dirangka, kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dipertimbangkan sebagai program kerahan tenaga.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kementerianya sudah menubuhkan pasukan petugas khas untuk merangka program Khidmat Sosial Negara, yang memberi tumpuan kepada aspek moral dan kegiatan kemasyarakatan, pembinaan sahsiah dan amalan cara hidup sihat.

Menurutnya, pasukan petugas yang dibentuk mencadangkan supaya Khidmat Sosial Negara dijadikan program wajib kepada kira-kira 400,000 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Tempoh pelaksanaan program Khidmat Sosial Negara yang dicadangkan itu tidak melebihi setahun," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan perbincangan program Rakan Muda membabitkan institusi pengajian tinggi dan kilang di pejabatnya, hari ini.

Semalam, selepas menghadiri Perjumpaan Khas Mengenai Gejala Sosial Umat Islam, Perdana Menteri berkata kerajaan akan menimbang cadangan supaya lepasan sekolah menyertai program kerahan tenaga, dalam usaha mengurangkan gejala sosial khususnya di kalangan belia Melayu.

Muhyiddin berkata, kementerianya sedia menjadi penyelaras program kerahan tenaga itu. Setakat ini, Perdana Menteri belum menetapkan mana-mana pihak untuk melaksanakan program berkenaan.

Menurut Muhyiddin, mana-mana pihak yang dipilih sebagai penyelaras kerahan tenaga akan mendapat sokongan padu kerajaan kerana program itu memerlukan komitmen dan peruntukan tinggi.

"Pakar pelbagai bidang yang terbabit perlu berbincang mencari modul terbaik bagi melaksanakan program itu," katanya.

Mengenai pertindihan program berkenaan dengan Rakan Muda, Muhyiddin berkata, meskipun wujud persamaan, kedua-dua program itu tetap berbeza.

(END)